

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

HDK desak pembuli doktor digantung tugas

Kuala Lumpur: Gerakan Hartal Doktor Kontrak (HDK) menuntut supaya mana-mana pihak yang terbabit dalam kes buli doktor di hospital negara ini, digantung tugas sementara siasatan terhadap mereka selesai.

Jurucakap HDK, Dr Muhammad Yassin, berkata sekiranya terbukti bersalah dalam siasatan itu, pembuli berkenaan perlu dikenakan tindakan tatatertib atau dibuang kerja, sekiranya kesalahan itu serius.

"Memang benar sebelum ini kes buli dalam kalangan doktor sudah dilaporkan kepada pihak atasan.

"Bagaimanapun, ada sesetengah kes buli tidak dilaporkan atas sebab mangsa takut mereka akan diambil tindakan oleh pihak atasan," katanya kepada *BH* semalam.

Sebelum ini, HDK menuntut tindakan tegas dan segera diambil Kementerian Kesihatan (KKM) tanpa kompromi seki-


🗨️ Sekiranya terbukti bersalah dalam siasatan itu, pembuli berkenaan perlu dikenakan tindakan tatatertib atau dibuang kerja, sekiranya kesalahan itu serius

Dr Muhammad Yassin,
Jurucakap
HDK



ranya dakwaan itu dibuktikan benar.

Katanya, sebarang aduan juga perlu dianggap sulit dengan mana-mana pengadu tidak



harus dikenakan tindakan oleh pihak pengurusan.

"Kita kerap mendengar insiden buli di KKM, malah pada 2022 juga ada kes buli sehingga

kementerian mewujudkan pasukan petugas untuk menyiasat dan memperbaiki isu ini.

"Namun, ia masih tidak dapat dibendung dan menjadi semakin

parah," katanya.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) mengamalkan dasar sifar toleransi terhadap sebarang gejala buli dalam kalangan pengamal perubatan, terutama membabitkan doktor.

Bellau menegaskan, mana-mana kakitangan KKM yang pernah mengalami atau tahu mengenai insiden buli dalam kalangan warga Kementerian itu perlu melaporkan insiden terbabit.

"KKM memiliki kemudahan pelaporan bagi sebarang insiden buli dengan aduan boleh disalurkan menerusi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPA).

"Maklumat peribadi mangsa mahupun *whistle-blower* atau pemberi maklumat bagi sebarang insiden buli dalam kalangan warga KKM akan sentiasa terjamin dan tidak didedahkan kepada umum," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : MUKA SEPULUH

MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Khamis, 12 September 2024 **BH**

Segera bertindak tangani buli di hospital pulih keyakinan umum

• Sesuatu perlu dilakukan untuk mengkaji semula sama ada sistem disediakan KKM benar-benar berupaya membantu doktor dalam insiden buli selepas aduan berjaya dibuktikan

• Budaya buli dalam kalangan doktor dilaporkan berterusan apabila kajian MMA antara 15 September hingga 1 Oktober 2023, mendapati 30 hingga 40 peratus doktor di negara ini menjadi mangsa buli



Wartawan BH

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Selepas laporan berhubung doktor di sebuah hospital kerajaan di Sabah dibuli dipaparkan **BH** minggu lalu, penulis menerima beberapa lagi aduan sama dikemukakan sama ada menerusi e-mel dan persatuan berkaitan gejala terbabit.

Jalan ceritanya hampir sama, iaitu membabitkan golongan doktor dibuli ataupun berdepan gangguan seksual ketika bertugas di hospital awam.

Malah, ada juga doktor menghubungi penulis sendiri bagi memberikan maklumat berhubung kejadian buli dihadapinya sepanjang berkhidmat.

Isu doktor dibuli termasuk membabitkan mereka pada peringkat pelatih umpama 'rahsia terbuka' berlarutan sejak sekian lama.

Bukan tiada tindakan diambil Kementerian Kesihatan (KKM), namun entah mengapa gejala terbabit dilihat seolah-olah seperti barah semakin merebak. KKM mempunyai platform untuk melaporkan sebarang insiden buli, termasuk melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISFAA).

Namun, dengan semua inisiatif dibuat KKM, timbul persoalan mengapa insiden ini masih berterusan? Adakah sistem sedia ada tidak begitu efektif atau timbul ketakutan dalam kalangan mangsa berhubung masa depan mereka?

Sesuatu perlu dilakukan untuk mengkaji semula sama ada sistem disediakan KKM ini supaya benar-benar berupaya membantu doktor dalam insiden buli selepas aduan itu berjaya dibuktikan.

Atau juga mungkin KKM perlu turun padang dalam program kesedaran kepada doktor khususnya pelatih untuk tidak gentar untuk melaporkan sebarang insiden buli melalui platform sepatutnya.

Bercerita mengenai sama ada sebarang aduan itu benar-benar tulus atau hanya sekadar ingin menjatuhkan seseorang 'berkuasa' dalam unit atau jabatan di hospital awam, juga perlu dititikberatkan.

Jika kes berkenaan membabitkan seorang doktor sahaja yang tampil tanpa ada sebarang bukti kukuh, mungkin keraguan boleh ditimbulkan sama ada ia bersifat fitnah semata-mata.

Namun, apabila 'sekumpulan' doktor sendiri sanggup memperjudikan kerjaya mereka dengan tampil ke media, aduan mereka perlu dipandang serius. Apatah lagi, mereka tidak tampil dengan tangan kosong, ia disertakan bersama bukti dan beberapa surat aduan rasmi kepada pihak berwajib.

Rasa sakit hati ketika mendengar huaan mangsa buli ini, apatah lagi ketika melihat salah seorang

mereka menitikkan air mata kerana trauma dengan kejadian yang berlaku.

Budaya buli jejas masa depan profesion

Dalam keadaan negara berdepan cabaran dalam melahirkan pelajar dalam bidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) serta ancaman kekurangan tenaga kerja profesional termasuk doktor pada masa depan, budaya buli ini dikhuatiri akan memburukkan lagi keadaan itu.

Dengan budaya toksik ini berterusan, anak muda yang kini pada peringkat sekolah dikhuatiri akan terganggu minat mereka mengikuti pengajian dalam bidang perubatan, serta menyumbang kepada negara menerusi khidmat di KKM.

Apatah lagi bagi ibu bapa, kejadian seperti ini pastinya akan menimbulkan kebingungan untuk melepaskan anak tersayang untuk berkhidmat di KKM.

Maklum balas diberikan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, akan menjalankan siasatan lebih terperinci, selain memaklumkan keperluan menubuhkan jawatankuasa bebas kelak, di-sambut baik.

Namun, ia diharap tidak hanya sekadar untuk menyedapkan hati, sebaliknya tindakan tuntas sememangnya diambil untuk mengembalikan semula keyakinan bakal doktor bagi menyumbang bakti dalam KKM.

Harapan besar warga doktor yang terbabit tentu sahaja ingin melihat keberanian Dr Dzulkefly yang ditunjukkan sebelum ini dalam kes di sebuah hospital awam di Selangor dengan mengambil tindakan terhadap Ketua Jabatan Ortopedik, turut dibawa dalam kes di Sabah ini.

Tiada niat buruk kepada KKM, cuma hanya ia menjadi tanggungjawab media untuk membantu golongan yang berdepan masalah ini. Lebih penting, kita tidak mahu adanya kematian lagi dalam kalangan doktor yang dikaitkan dengan insiden buli seperti kes yang pernah berlaku sebelum ini.

Jika diimbaz waktu lalu, penulis mula menulis mengenai insiden buli empat tahun lalu apabila kajian Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) mendedahkan sebanyak 66.9 peratus doktor di negara mengakui pernah melalui pengalaman dibuli atau diganggu ketika bertugas dalam sektor awam.

Melalui pendedahan itu, golongan paling ramai berdepan situasi itu adalah mereka yang berusia antara 28 hingga 35 tahun.

Laporan berkenaan dibuat susulan kematian seorang doktor pelatih pada Disember 2020 akibat bunuh diri yang dipercayai selepas dibuli.

Dua tahun selepas itu, seorang lagi doktor pelatih turut dilaporkan maut, dipercayai terjatuh dari sebuah bangunan di Jalan Datuk Keramat, pada 17 April lalu, yang juga dikaitkan dengan gejala buli.

Susulan itu, KKM pada 2022 menubuhkan sebuah pasukan petugas bebas untuk menyiasat kes terbabit dan juga budaya buli yang didakwa berlaku.

Budaya buli dalam kalangan doktor dilaporkan berterusan apabila kajian MMA yang dilaksanakan antara 15 September hingga 1 Oktober 2023 lalu, mendapati 30 hingga 40 peratus doktor di negara ini menjadi mangsa buli.

Kita mahu kajian ini diambil serius dalam melaksanakan tindakan susulan oleh pihak berwajib. Tindakan perlu diambil bagi menamatkan rasa kebal dan menghentikan kuasa mutlak yang dirasakan pembuli atau ketua di sesuatu jabatan.



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : LOKAL

20

www.hmetro.com.my

@hmetromy

HarianMetro

@hmetromy

lokal

KES BULI DOKTOR DI HOSPITAL

Hukuman perlu tegas

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur

Gerakan Hartal Doktor Kontrak (HDK) menegaskan mana-mana pihak yang terbabit dalam kes membuli doktor di hospital negara ini perlu dikenakan tindakan tegas dan digantung tugas sehingga siasatan selesai dilakukan.

Jurucakap HDK, Dr Muhammad Yassin berkata, sekiranya terbukti bersalah, pembuli berkenaan perlu dikenakan tindakan tatatertib atau dibuang kerja sekiranya kesalahan berkenaan begitu serius.

"Memang benar sebelum ini kes buli dalam kalangan doktor sudah dilaporkan kepada pihak atasan.

"Bagaimanapun, ada setengah kes buli yang berlaku tidak dilaporkan atas sebab mangsa takut mereka akan diambil tindakan oleh pihak atasan," katanya, semalam.

Sebelum ini, HDK menuntut tindakan tegas dan segera diambil Kementerian Kesihatan (KKM) tanpa kompromi sekiranya dakwaan itu dibuktikan benar.

Menurutnya, sebarang aduan juga perlu dianggap sulit dengan mana-mana pengadu tidak harus dikenakan tindakan oleh pihak

pengurusan.

"Kita kerap mendengar insiden buli di KKM, malah pada 2022 juga ada kes buli sehingga kementerian mewujudkan pasukan petugas untuk menyiasat dan memperbaiki isu ini.

"Namun ia masih tidak dapat dibendung dan menjadi semakin parah," katanya.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) mengamalkan dasar sifar toleransi terhadap sebarang gejala buli dalam kalangan pengamal perubatan, terutama membatik doktor.

Beliau menegaskan, ma-

na-mana kakitangan KKM yang pernah mengalami atau tahu mengenai insiden buli dalam kalangan warga kementerian itu perlu melaporkan insiden terbabit.

"KKM memiliki kemudahan pelaporan bagi sebarang insiden buli dengan aduan boleh disalurkan menerusi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SIS-PAA).

"Maklumat peribadi mangsa mahupun *whistle-blower* atau pemberi maklumat bagi sebarang insiden buli dalam kalangan warga KKM akan sentiasa terjamin dan tidak didedahkan kepada umum," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

NASIONAL 7

KHAMIS 12 SEPTEMBER 2024 • SINAR HARIAN

Gerakan HDK saran sistem pelaporan bersifat *anonymous* diwujudkan supaya mangsa lebih berani tampil buat laporan

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

Gerakan Hartal Doktor Kontrak (HDK) mencadangkan supaya sistem pelaporan yang bersifat tanpa nama atau *anonymous* diwujudkan supaya mangsa lebih berani untuk tampil ke hadapan dan membuat laporan bagi kes membuli doktor di hospital negara ini.

Menurut jurucakap Hartal Doktor Kontrak, mangsa sering tidak tampil untuk membuat laporan atas faktor khuatir akan dikenakan tindakan oleh pihak atasan.

Selain itu, beliau berkata, sepatutnya perlu ada jawatankuasa bebas yang boleh menyalut aduan daripada mangsa serta diberi kuasa untuk mengambil tindakan yang tegas terhadap pembuli termasuk digantung tugas sehingga siasatan selesai dilakukan.

Jurucakap itu menegaskan, jika terbukti bersalah, pembuli berkenaan perlu dikenakan tindakan tatatertib atau dibuang

“

Sepatutnya perlu ada jawatankuasa bebas yang boleh menyalut aduan daripada mangsa serta diberi kuasa untuk mengambil tindakan tegas terhadap pembuli termasuk digantung tugas sehingga siasatan selesai dilakukan.”

kerja sekiranya kesalahan berkenaan begitu serius.

“Memang benar sebelum ini kes buli dalam kalangan doktor sudah dilaporkan kepada pihak atasan, namun ada sesetengah kes yang berlaku tidak dilaporkan atas sebab mangsa takut dikenakan tindakan.”

“Budaya membuli dalam kalangan pengamal perubatan terutama membabitkan doktor sangat membimbangkan, namun sukar untuk mengetahui



Berdasarkan siri laporan pelbagai media dan pengakuan beberapa doktor sendiri, budaya buli juga berlaku dalam kalangan profesional termasuk doktor.
- Gambar hiasan

tahap keseriusan perkara tersebut memandangkan tiada data terkumpul,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Ditanya sama ada masih ada kes yang tidak mendapat pembelaan sehingga sekarang, beliau berkata, perkara tersebut tidak dapat dipastikan.

Menurutnya, ia berikutan pihaknya tidak mempunyai rekod atau pengetahuan mengenai perkara berkenaan.

“Bagaimanapun, tidak dinafikan ada pihak atasan yang menjadikan mereka yang lebih junior

sebagai *punching bag* untuk melepaskan geram dengan marah dan memaki,” ujarnya.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menegaskan mana-mana kakitangan Kementerian Kesihatan (KKM) yang pernah mengalami atau tahu mengenai insiden buli dalam kalangan warga kementerian itu untuk melaporkan insiden terbabit.

Ahli Parlimen Kuala Selangor itu juga menegaskan, KKM memiliki kemudahan pelaporan

bagi sebarang insiden buli dengan aduan boleh disalurkan menerusi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA).

“KKM mengamalkan dasar sifar toleransi terhadap sebarang gejala buli dalam kalangan pengamal perubatan, terutama membabitkan doktor.”

“Maklumat peribadi mangsa mahupun *whistle-blower* atau pemberi maklumat bagi sebarang insiden buli dalam kalangan warga KKM akan sentiasa terjamin dan tidak didedahkan kepada umum,” kata beliau.



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : NEGERI

JKNJ sahkan rawat 47 mangsa pencemaran

JOHOR BAHRU - Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) mengesahkan merawat seramai 47 mangsa yang dikesan mengalami gejala ringan akibat pencemaran bau.

Menurut Exco Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Ling Tian Soon, seramai 10 daripada mangsa mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta.

Katanya, tiga lagi dirujuk ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI).

"Sepanjang tempoh dua hari kejadian pencemaran ini, sebanyak 47 kes dikesan dan dibenarkan pulang selepas menerima rawatan sementara hanya seorang yang masih dirawat di HSA.

"Untuk rekod, semua mangsa melibatkan golongan dewasa dan kanak-kanak," katanya pada Rabu.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 26
RUANGAN : NEGERI

26

NEGERI

SINAR HARIAN • KHAMIS 12 SEPTEMBER 2024

Sinan
Harlan

SELANGOR/KL

TELLUS & TULLUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Tawar harga rawatan
antara RM200 hingga
RM20,000 di TikTok
dan Instagram

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
KUALA LUMPUR

'Doktor' gigi, kecantikan haram ditahan

Berselindung di bangunan pejabat di Jalan Sentul di sini dipercayai menawarkan khidmat rawatan gigi dan perubatan estetik haram sejak hujung 2022 akhirnya terbongkar, pada Selasa.

Serban kira-kira jam 1.10 petang hasil aduan awam itu dijalankan sepasukan anggota penguat kuasa dari Bahagian Kesihatan Pergigian dan Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Sinar Harian yang mengikuti operasi terbabit mendapati premis itu dilengkapi kamera litar tertutup (CCTV).

Bahkan, terdapat bilik khas yang ditetapkan dipercayai bagi pelanggan untuk mendapatkan rawatan gigi selain bilik berlainan bagi khidmat perubatan berkait kecantikan seperti memutihkan kulit serta suntikan botox.

Operasi dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul itu telah menahan tiga warga tempatan termasuk seorang wanita berusia lingkungan 22 hingga 31 tahun.

Pegawai Penguat Kuasa Pergigian, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Dr Azfar Abdullah berkata, siasatan awal mendapati pusat kecantikan itu tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Suspek dikatakan mempromosikan perkhidmatan mereka di TikTok dan Instagram.

"Perkhidmatan yang ditawarkan merangkumi khidmat sarung gigi yang hanya boleh dilakukan oleh pengamal pergigian yang berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

"Selain itu, pusat kecantikan itu turut menawarkan rawatan perubatan estetik yang hanya boleh dilakukan oleh pengamal perubatan berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia serta ditauliahkan de-



Serban premis pusat kecantikan haram di Jalan Sentul, Kuala Lumpur, pada Selasa, turut melibatkan kerjasama IPD Sentul.

ngan Letter of Credentialing & Privileging of Aesthetic Medical Practice oleh KKM, katanya pada Rabu.

Dr Azfar berkata, harga rawatan ditawarkan antara RM200 hingga RM20,000 bergantung jenis pakej yang diambil pelanggan.



Ruangan bilik di sediakan dipercayai bagi pelanggan untuk mendapatkan khidmat perubatan estetik.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : DALAM NEGERI GAYA

Oleh HALINA MD. NOOR
gayautusan@mediamula.com.my

ISU penyimpanan, pengambilan dan pembuangan ubat dengan betul mungkin nampak kecil tetapi boleh memberi impak cukup besar.

Kesan tidak menyimpan ubat dengan betul dan tidak membaca label sebelum makan ubat boleh mendedahkan kepada implikasi bahaya kepada orang lain terutama ahli keluarga sendiri sehingga boleh membawa maut.

Timbalan Pengarah Cawangan Penggunaan Ubat Secara Berkualiti, Bahagian Amalan dan Perkembangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Munira Muhammad, mendedahkan terdapat banyak kes, yang hanya kerana salah cara simpan ubat, melayang nyawa.

Dalam satu kes di Kedah, seorang pengguna dadah menjalani rawatan dengan menggunakan ubat methadone berwarna merah yang tidak dilarut dan dibeli dari farmasi swasta.

"Ubat itu di simpan dalam peti sejuk. Suatu hari, anak buahnya berusia dua tahun demam, neneknya bagi ubat methadone dari peti sejuk berkenaan kerana menyangkakan ia ubat demam. Akibatnya kanak-kanak itu mengalami pelbagai kegagalan organ sehingga meninggal dunia," katanya.

Munira berkata, cara menyimpan dan tidak membaca label sebelum memberi ubat menjadi punca utama mengapa tragedi menyedihkan ini boleh berlaku sedangkan ia boleh dielakkan jika orang ramai memiliki kesedaran mengenainya.

Munira ditemui pada Mesyuarat Teknikal Pemantapan Duta Kenali Ubat Anda Negeri Selangor di Klang, baru-baru ini.

Ia dihadiri lebih 30 Duta Kenali Ubat Anda (KUA) dari pelbagai daerah di negeri berkenaan.

Kata Munira, Duta KUA walaupun tidak dibayar tetapi tetap setia menjalankan tanggungjawab dengan bersungguh-sungguh.

Tambahan kini, orang ramai dihidangkan dengan informasi yang cukup mengelirukan mengenai ubat-ubatan.

"Masyarakat mudah terpedaya dengan strategi pemasaran orang yang pentingkan diri sehingga sanggup memberi maklumat yang memudaratkan orang lain. Itu sebabnya Duta KUA diperlukan bagi membantu KKM dalam menangani isu ini," katanya.

Ujarnya, ramai Duta KUA kekal sebagai duta sejak

CARA menyimpan ubat dengan betul mustahak bagi mengelakkan insiden tidak diingini daripada berlaku.
- GAMBAR HIASAN



Salah makan, simpan, nyawa m

ia diperkenalkan 17 tahun lalu walaupun mereka tidak dibayar kerana ikhlas dan menganggap ia sebagai amal jariah kepada masyarakat.

Munira mengharapakan lebih ramai menyertai program Duta KUA dengan sekurang-kurangnya 15 peratus di setiap daerah di seluruh negara supaya lebih ramai mendapat manfaatnya kelak.

Bagaimanapun di Selangor, setakat ini sudah mencapai 18 peratus.

Justeru pelbagai modul Duta KUA diwujudkan mengikut keperluan usia lapisan masyarakat bermula daripada usia tadika, sekolah rendah dan menengah serta di peringkat universiti seperti Universiti Kebangsaan Malaysia yang memasukkan kenali ubat anda sebagai kertas elektif.

"Berdasarkan kes sebelum ini yang memudaratkan kanak-kanak kerana termakan ubat disangka gula-gula, amat penting untuk mendidik kanak-kanak mengenai ubat bukan gula-gula.

"Kes kanak-kanak tadika maut kerana termakan ubat tekanan darah tinggi pernah berlaku di Negeri Sembilan suatu ketika dulu. Kanak-kanak malang itu termakan atenolol, ubat neneknya yang

FAUZIAH Abd. Rahman (kiri) dan Hasnah Johari menerima Sijil Penghargaan di atas khidmat sebagai Duta Kenali Ubat Anda.
- UTUSAN/ HALINA MD. NOOR



berwarna oren kerana ingat ia adalah gula-gula dan akhirnya kanak-kanak itu meninggal dunia," katanya.

INSULIN JADI 'AISKRIM'

Isu lain yang sedang ditangani adalah ketidakpatuhan terhadap rawatan sehingga ubat yang diberikan tidak dimakan.

"Apabila lawatan ke rumah pesakit dijalankan oleh duta, kita masih jumpa insulin yang tidak digunakan. Malah ada yang buat 'aiskrim' insulin dengan ubat itu di simpan di bahagian sejuk beku dalam peti ais.

"Bila kita tanya macam mana nak cucuk insulin sebab sudah keras, kami terkejut bila pesakit kata ia dipanaskan di atas api. Bayangkan yang dia cucuk itu 'saja-saja' sebab insulin itu sudah rosak dan tidak berkesan lagi," katanya.

Sepatutnya ubat yang diberi tiada lebih dan cukup-cukup untuk tempoh sebulan.

Tidak dinafikan ada faktor

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : ~~DALAM NEGERI~~ GAYA



DUTA Kenali Ubat menjalankan aktiviti pada Mesyuarat Pemantapan Duta Kenali Ubat, di Klang baru-baru ini.

nelayang



Sebenarnya sudah ada kajian siput sedut dan ikan transgender kerana termakan pil perancang yang dibuang ke dalam sungai. Jadi, kita hendak orang ramai buang ubat secara betul."

lain mengapa ubat tidak dimakan seperti doktor menukar rejimen ubat, ubat ibu bapa yang sudah meninggal dunia atau stok ubat terlebih.

Tambah Munira lagi, akibat tidak patuh rawatan, berbungkus-bungkus ubat terbiar.

Lebih menyedihkan, ubat sudah dibuang di pintu pagar hospital dan merata tempat seperti di dalam lubang tandas, tong sampah dan sinki.

Justeru, bantuan Duta KUA diperlukan untuk



MUNIRA MUHAMMAD

menyebarkan maklumat bukan saja cara mendapatkan ubat yang betul dan penyimpanan ubat yang selamat tetapi juga patuh kepada rawatan dengan memakan ubat mengikut arahan doktor.

Ramai tidak menyedari, pembuangan ubat yang tidak betul berisiko merosakkan alam dan eko sistem. Malaysia berada di tangga 20 daripada 118 sungai tercemar dengan sisa farmaseutikal.

"Bila dikaji kandungan pencemaran, ia mengandungi antibiotik. Ramai tidak tahu ubat yang dibuang dalam tong sampah, tandas dan sinki boleh masuk ke dalam sistem air kita

melalui air serapan tanah.

"Sebenarnya sudah ada kajian siput sedut dan ikan transgender kerana termakan pil perancang yang dibuang ke dalam sungai. Jadi, kita hendak orang ramai buang ubat secara betul," katanya.

Terkini, KKM menyediakan tempat untuk memulangkan ubat yang tidak dimakan di hospital kerajaan. Isu pembuangan ubat juga akan dibincangkan dengan pihak berkaitan bagi melupus ubat dengan cara betul.

Ubat yang diambil dari pesakit tidak boleh digunakan semula dan perlu dihapuskan kerana cara penyimpanan sebelum ini yang tidak dipastikan selamat atau tidak untuk digunakan pesakit lain.

Tambahnya, pada masa ini pihaknya sedang mengkaji cara pembuangan ubat lebih baik kerana ia membabitkan kos yang tinggi selain bekerjasama dengan pihak swasta bagi meringankan beban kos kerajaan.

LANTIK OKU JADI DUTA

Memahami kekangan dialami Orang Kurang Upaya (OKU) dalam pengambilan ubat yang betul, kini program melatih Duta KUA dalam kalangan OKU penglihatan dan

pertuturan sedang dijalankan.

"Bayangkan mereka yang celik pun tidak makan ubat dengan betul, macam mana OKU penglihatan makan ubat? Kalau dapat lima ubat macam mana mereka makan sebab tiada tulisan braille pada pembungkus ubat.

"Risiko seperti hendak makan panadol, terambil ubat darah tinggi boleh berlaku. Ubat sirap lagi sukar untuk ditentukan berapa mililiter kena minum. Ada OKU maklumkan, dia celup tangan tapi bila tuang separuh botol. Ada yang kata togok terus dari botol," katanya.

Manakala orang bisu dan pekak pula tidak banyak perbendaharaan kata.

Sebagai contoh jika farmasi kata makan ubat tiga kali, sambil tunjuk tiga jari. Dalam bahasa isyarat, tiga jari itu juga mungkin maksudnya enam. Bezanya hanya jari mana yang diangkat.

Justeru, video untuk bahasa isyarat sudah dibangunkan untuk melatih Duta KUA OKU bermula Oktober depan.

PENGALAMAN DUTA

Fauziah Abd. Rahman, 73, masih setia sebagai Duta KUA sejak tahun 2013. Pesara kerajaan ini mewakili kawasan Klinik Kesihatan Sg. Pelek dalam daerah Sepang.

"Saya sukarela memohon untuk menjadi duta selepas terbaca iklan di klinik kesihatan. Kebetulan saya sudah bersara pada waktu itu. Saya ingin membuat amal jariah ini sebagai bekalan diakhirat kelak.

"Saya juga ingin mengisi masa lapang. Sebagai duta saya kerap selitkan maklumat mengenai cara menyimpan dan makan ubat

dengan betul selain makan ubat berdaftar saja apabila berkumpul bersama pesara kerajaan daerah, negeri dan kebangsaan," katanya.

Fauziah yang juga aktif dalam persatuan para kaunselor atau pembimbing psikologi, turut memperkenalkan KUA kepada ahli yang lain. Fauziah turut menyelitkan maklumat mengenai ubat setiap kali bertemu kaunselor lain.

Sebelum ini, Fauziah kerap membuat lawatan ke rumah pesakit bersama pihak farmasi KK Sg. Pelek namun aktiviti itu dikurangkan kerana masalah kesihatan.

"Kebelakangan ini saya kurang buat lawatan rumah ke rumah kerana pergerakan saya jadi terbatas. Saya gunakan media sosial (telefon bimbit walaupun masih kurang arif) untuk menyampaikan maklumat," katanya.

Sementara itu, Hasnah Johari, 60, bergelar Duta KUA sejak 2022 mewakili Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam, Sepang kerana minat. Bermula 2023/2024, Hasnah mula menjalankan aktiviti program sebanyak 117 kali.

"Saya seronok menyertai alam dunia kesukarelawan kerana saya ingin membantu masyarakat dalam pelbagai sudut. Saya akan menjalankan aktiviti menyebarkan maklumat berkaitan KUA sekurang-kurangnya dua hingga empat kali sebulan bergantung kepada kesesuaian masa," katanya yang turut aktif menyertai badan NGO lain seperti Sukarelawan Yadin Sabak Bernam, Persatuan Sahabat Hospital Sabak Bernam, Amanita, Rela dan Pusat Kebajikan Semalaysia.

DUTA KUA SEJAK TAHUN 2021-2024:

- » 2,846 orang di seluruh negara.
- » Program Duta Kenali Ubat Anda dilancarkan sejak 2012, bertujuan memperkasakan pelbagai wakil masyarakat yang berpengaruh dalam menyampaikan maklumat asas berkaitan ubat-ubatan.
- » Memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai pengambilan ubat secara berkesan dan berkualiti dalam kalangan pesakit.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION / NEWS

BULLYING

'Suspend doctors pending probe outcome'

KUALA LUMPUR: Doctors being probed for bullying should be suspended pending the outcome of investigations, said a group representing contract doctors.

Hartal Doktor Kontrak (HDK) spokesman Dr Muhammad Yassin said action must be taken against those who were found to have bullied others, including being sacked.

"Bullying cases have been reported to superiors before, but in some cases, they go unreported as the victims fear retribution," he told *Berita Harian*.

Muhammad also said there were many complaints of bullying in public hospitals.

"In fact, in 2022, one case led to the Health Ministry setting up a task force to look into the issue but it has not stopped bullying."

In 2022, the ministry established the Healthcare Work Culture Improvement Task Force in response to the alleged bullying incident at Penang Hospital, which took the life of a 25-year-old houseman who had allegedly complained of being bullied at the workplace.

Former health minister Khairy Jamaluddin said the task force would also look into matters beyond the reported bullying inci-



Bullying cases have been reported to superiors before, but in some cases, they go unreported as the victims fear retribution.

DR MUHAMMAD YASSIN
Spokesman, Hartal Doktor Kontrak

dent. The scope and terms of the task force also include the aspect of work culture as well as human

resources management to ensure the delivery of quality and professional services.

The task force was also required to prepare evaluation reports and recommendations for the improvement of work culture and human resources management of the health service.

Meanwhile, Health Minister Datuk Seri Dzulkefly Ahmad on Tuesday said the ministry upheld a zero-tolerance policy towards any form of bullying among medical practitioners, particularly doctors.

He urged the ministerial staff who had experienced or were aware of bullying incidents within the ministry to report them.

The Kuala Selangor member of parliament also highlighted that the ministry provided a reporting system via the Public Complaints Management System and assured that the personal details of victims and whistleblowers would remain confidential and protected from public disclosure.

The *New Straits Times* has reached out to the ministry for further comments on the mechanism to address bullying issues among medical practitioners, including suspension, as highlighted by HDK.